

Pelajar susuri Endau Rompin

SEMBILAN pelajar Kolej Sunway menempuh pelbagai pengalaman menarik ketika mengikuti perkhemahan di Taman Negara Endau Rompin di Johor, baru-baru ini.

Perkhemahan tiga hari dua malam itu dianjurkan oleh Sekolah Hospitaliti dan Pengurusan Pelancongan kolej terbabit.

Pada hari pertama, pelajar menaiki bas ke Kluang, Johor. Selepas makan tengah hari, mereka menaiki kenderaan pacuan empat roda sehingga tiba di Endau Rompin di mana mereka diberi taklimat mengenai lokasi dan tumbuh-tumbuhan.

Pelajar terbabit kemudian dibawa ke Kampung Peta serta menaiki bot ke Kuala Jasin. Dari situ, mereka mengambil masa satu setengah jam untuk meredah laluan ke kawasan perkhemahan.


Pada hari kedua, pelajar terbabit menempuh laluan sepanjang sungai Endau Jasin untuk tiba ke air terjun Upih Guling.

Selepas makan tengah hari di Kuala Marong, mereka menghala ke kawasan Air Biru di mana kebanyakan peserta perkhemahan yang gemar kegiatan lasak mencuba untuk menjunam ke dalam air dari atas pokok setinggi lebih tiga meter.

Di kawasan perkhemahan, pelajar terbabit juga menjalani latihan berkayak kerana mereka perlu berkayak pada keesokan hari.

"Berkayak dari Kuala Jasin ke Kg Peta perlu dilakukan bersungguh-sungguh. Ia mengambil masa lebih daripada dua jam tetapi segala usaha itu memang berbaloi," kata pelajar, Hisaho Takagi dari Jepun.

Selepas makan tengah hari, pelajar berkesempatan untuk mengambil bahagian dalam acara tiupan sumpit sebelum bertolak ke Kuala Lumpur. Bagi Zhou Ying dari China, pengalaman itu sesuatu yang menarik apatah lagi berpeluang berada di kawasan hutan begitu mengagumkan.



SERONOK... peserta berkayak dari Kuala Jasin ke Kampung Peta yang mengambil masa lebih dua jam.

This material may be protected by the Malaysia Copyright Act. It may only be used for private study or research. Downloading or reproduction in excess of “fair dealing” may constitute copyright infringement.